

Tarikh Dibaca: 07 OKT 2022M | 10 Rabi'ul Awwal 1444H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“KENALI DAN CINTAI RASULULLAH
SAW TANDA BERIMAN”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“KENALI DAN CINTAI RASULULLAH SAW TANDA BERIMAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ
كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, moga-moga kita menjadi hamba-Nya yang muttaqin.

¹ Al-Ahzab : 21.

² ali-Imran: 102



Bersempena dengan sambutan Maulid al-Rasul 1444H pada 9 oktober 2022M, Khatib pada hari ini akan membincangkan khutbah bertajuk **"KENALI DAN CINTAI RASULULLAH SAW TANDA BERIMAN."**

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ
وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

"Tidaklah beriman (dengan sempurna) seorang dari kamu hingga aku lebih dia cintai daripada anaknya, ibu-bapanya dan manusia semuanya."

(Riwayat Muslim).

Sebagai umat Islam perlulah mengenali Nabi SAW, mengetahui sirahnya, keunggulan peribadi, tanda-tanda kenabian dan keistimewaannya untuk melahirkan rasa cinta kepada Nabi SAW dan untuk kita jadikan Baginda SAW sebagai contoh ikutan seperti mana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang dibacakan di awal khutbah ini yang bermaksud:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,



Sirah Nabi SAW bermula dengan kelahirannya di Mekah sebagai anak yatim, disusui oleh Halimah al-saadiyyah, setelah 4 tahun diserahkan kembali kepada ibunya, kemudian Aminah meninggal dunia ketika Baginda berumur 6 tahun, dipelihara pula oleh datuknya Abdul Mutalib selama 2 tahun, kemudian Abu Talib ditugaskan menjaga Nabi SAW selepas datuknya meninggal dunia.

Penduduk Mekah memercayainya kerana beliau seorang yang jujur, amanah, tidak pernah berbohong malah mereka menggelarnya al-Amin. Ketika berusia 25 tahun, berniaga barang dagangan Khadijah di Syam serta mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda, bila pulang semuanya diserahkan kepada Khadijah.

Maisarah yang menemani Nabi SAW sepanjang perjalanan perniagaan itu, menceritakan semua kelebihan Nabi SAW kepada Khadijah, akhirnya melalui Nafisah bt Manbah memaklumkan bahawa Khadijah menawarkan dirinya kepada Rasulullah SAW sebagai isteri, dipersetujui oleh Nabi SAW dan bapa saudaranya terus melamar Khadijah. Perkahwinan dilangsungkan pada usia Baginda genap 25 tahun dan dikurniakan 2 putra dan 4 putri.

Pada usia 35 tahun, Baginda SAW dilantik menjadi hakim bagi menyelesaikan perbalahan dikalangan pembesar Quraish, tentang siapa yang layak meletakkan Hajarul Aswad di Kaabah. Dengan penuh kebijaksanaan, baginda meletakkan Hajarul Aswad di atas serbannya dan semua pembesar Quraish itu bersama-sama memegang serban Nabi dan mengangkatnya. Kemudian Baginda mengambil Hajarul Aswad dan meletakkannya ditempatnya.



Ketika usia 40 tahun, Baginda dilantik menjadi rasul menjalankan dakwah selama 13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Keunggulan diri Rasulullah SAW dapat kita selami dengan mengetahui bentuk susuk tubuh badannya. Dalam Kitab al-Syama'il Muhammadiyah, Imam al-Tirmizi menceritakan tubuh badan Nabi SAW adalah serba sempurna. Kulitnya putih kemerahan, rambutnya hitam, tidak keriting dan tidak lurus, sebaliknya sedikit beralun, ubannya tidak sampai 20 helai, luas bidang dadanya, dari dada ke pusat terdapat satu garisan bulu nipis halus, di antara dua belikatnya terdapat Khatamunnubuwwah (خَاتَمُ النَّبُوَّةِ) iaitu cop kenabian.

Bila bercakap diulangnya tiga kali supaya pendengar memahaminya. Baginda banyak berdiam diri dan kurang ketawa, baginda akan memberi salam dahulu kepada sesiapa yang di temuinya.

Pakaian yang paling disukai oleh Rasulullah adalah Qamis (القَمِيص). Raja al-Najasyi pernah menghadihkan sepasang khuf berwarna hitam pekat dan baginda memakainya. Cincin Rasulullah SAW diperbuat daripada perak dan batunya adalah batu hitam Habsyi yang dipakai di jari kelingking tangan kanannya.

Baginda memakan dengan tiga jari dan menjilat jari apabila selesai makan, jika ada makanan tumpah, baginda akan membersihkan dan memakannya, kerana makanan yang dibuang akan dimakan oleh syaitan.

Dalam rumahtangga, Baginda selalu membantu isterinya menjahit pakaian dan lain lain kerja di rumah. Aishah Radiallahuanha pernah



menjawab apabila ditanya mengenai apa yang diperbuat oleh Nabi SAW di rumah, katanya yang bermaksud:

"Beliau adalah manusia seperti manusia lain juga, beliau menjahit pakaian, memerah susu kambing dan melakukan pekerjaan rumah."

(Musnad Ahmad).

Hadirin sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Sebagai bukti kerasulan Nabi Muhammad SAW, baginda diberikan mukjizat antaranya:

Rasulullah SAW memberitahu hal-hal ghaib yang akan berlaku dikemudian hari dan perkara tersebut benar-benar berlaku, seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu daripada Nabi SAW. Sabdanya yang bermaksud:

"Kisro (Raja Parsi) akan hancur dan tidak akan ada lagi Kisro setelah itu. Sedangkan Qoishor (Raja Romawi) pasti akan hancur dan tidak ada lagi Qoishor setelah itu. Dan sungguh kamu akan mambahagi-bahagikan perbendaharaan kekayaan mereka di jalan Allah". Dan Rasulullah SAW mengistilahkan perang sebagai tipu daya."

(Riwayat al-Bukhari).

Nabi SAW memperlihatkan tanda kenabiannya dengan membelah bulan menjadi dua seperti mana yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Masud Radiallahuanhu katanya yang bermaksud:

Pada zaman Rasulullah SAW, bulan pernah terbelah menjadi dua bahagian, lalu Nabi SAW bersabda: 'Saksikanlah'

(Riwayat al-Bukhari).



Baginda SAW diberikan al-Quran sebagai mukjizat yang besar dan kekal sehingga kiamat, ia menjadi panduan kepada umat manusia dalam menjalani kehidupan seharian didunia ini.

Selain itu hati Nabi SAW tidak tidur walaupun kedua matanya tidur, Aishah Radiallahuanha pernah bertanya "Wahai Rasulullah, apakah anda tidur sebelum melaksanakan witr?" Beliau menjawab:

يَا عَائِشَةُ إِنَّ عَيْنِي تَنَامَانِ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي

"Wahai Aisyah, kedua mataku tidur, namun hatiku tidaklah tidur."

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Ada ibadah yang dibenarkan kepada baginda sahaja, seperti wisol (وَصَال) puasa, iaitu menyambung puasa sehingga dua hari, baru berbuka, dan tidak dibenarkan kepada umatnya, Aishah Radiallahuanha pernah berkata yang bermaksud:

"Rasulullah SAW melarang puasa wisol (وَصَال) sebagai bentuk kasih sayang kepada mereka (para sahabat). Mereka berkata: "Bukankah anda sendiri melakukan puasa wisol (وَصَال) ?" Beliau bersabda: "Aku tidak sama dengan keadaan seorang kamu kerana aku diberi makan dan minum oleh tuhanku."

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin Jumaat yang di hormati,

Baginda diutuskan sebagai penutup segala Rasul sepertimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-ahzab ayat 40:



وَلَكِنَّ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ

"... tetapi ia adalah Rasulullah dan kesudahan segala Nabi-nabi..."

Dengan erti kata lain jika ada sesiapa mendakwa dirinya sebagai Rasul atau Nabi, maka itu adalah palsu dan Nabi SAW menyebutkan mereka itu sebagai Dajjal sebelum lahir Dajjal sebenar.

Nabi juga diberikan pengkhususan tertentu oleh Allah SWT, antaranya mempunyai isteri lebih daripada empat, ini hanya khusus kepada Baginda sahaja, janganlah ada sesiapa yang mempertikaikan kelebihan yang Allah berikan kepada Nabi-Nya.

Hadirin sidang jumaat yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini , marilah sama-sama kita hayati intipati pengajarannya:

1. Umat Islam wajib beriman dan mengikut sunnah Rasulullah SAW sebagai penutup para Nabi dan penyempurnaan agama Islam untuk semua bangsa dan sepanjang zaman.
2. Umat Islam janganlah menghina Nabi SAW dengan perkataan atau perbuatan kerana ia adalah dosa besar yang membawa kepada kekufuran.
3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa keimanan kepada Nabi SAW bukan dengan tutur kata dan logik akal semata-mata, tetapi dibuktikan dengan kecintaan dan amalan Sunnah Nabi SAW.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

(ali Imran : 31).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٣١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.